



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Skills Development Fund Corporation  
Kementerian Sumber Manusia  
Ministry of Human Resources  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008  
Faks : 03-4047 6108  
Laman Web : [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my)  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 7 )

Tarikh : 23 Julai 2020

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PENAMBAHBAIKAN KRITERIA PENGAGIHAN PERUNTUKAN SKIM  
PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat hebahan Perbadanan ini bil. PTPK.P&P.100-3/1 Jld 19 (12) bertarikh 27 Februari 2020 bertajuk Permohonan Peruntukan Pembiayaan Latihan Kemahiran Di Bawah Skim Pinjaman Lepasan Sekolah Bagi Tahun 2020 adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada makluman sebelum ini, mulai tahun 2020, PTPK melalui Lembaga Pengarah PTPK telah menetapkan supaya pengagihan peruntukan pembiayaan di bawah Skim Pinjaman Lepasan Sekolah Tahun 2020 menggunakan sistem Kuota Terbuka seperti hebahan yang telah dibuat melaui surat pemakluman PTPK bertarikh 27 Feb 2020 di laman sesawang rasmi PTPK.

3. Melalui sistem Kuota Terbuka ini, antara elemen utama kriteria pengagihan adalah semua Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar dengan PTPK (Aktif / Tidak Luput) adalah layak diagihkan peruntukan berdasarkan jumlah kapasiti yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) tetapi tertakluk kepada keputusan Penarafan Bintang JPK Tahun 2019 seperti berikut:
  - a. bagi PL yang memperoleh penarafan 5 bintang pada tahun 2019, maksimum 100 pelatih;
  - b. bagi PL yang memperoleh penarafan 4 bintang pada tahun 2019, maksimum 75 pelatih;
  - c. bagi PL yang memperoleh penarafan 3 bintang pada tahun 2019, maksimum 25 pelatih; dan
  - d. bagi PL yang tidak mempunyai/ memperolehi penarafan bintang pada tahun 2019 (0 bintang), maksimum 25 pelatih;
4. Namun demikian, Lembaga Pengarah menerusi **Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bil. 3 Tahun 2020** yang bersidang pada **7 Julai 2020** yang lalu telah bersetuju dan meluluskan cadangan penambahbaikan ke atas kriteria pengagihan peruntukan ini dengan menyelaras semula agihan peruntukan mengikut Penarafan Bintang JPK 2019 dan kapasiti yang diluluskan oleh JPK seperti berikut:

- a. bagi PL yang memperoleh penarafan 5 bintang pada tahun 2019, maksimum kapasiti yang diluluskan oleh JPK atau berdasarkan permohonan PL;
- b. bagi PL yang memperoleh penarafan 4 bintang pada tahun 2019, maksimum 100 pelatih atau kapasiti yang diluluskan JPK atau berdasarkan permohonan PL;
- c. bagi PL yang memperoleh penarafan 3 bintang pada tahun 2019, maksimum 75 pelatih atau kapasiti yang diluluskan JPK atau berdasarkan permohonan PL;
- d. bagi PL yang memperoleh penarafan 2 bintang dan 1 bintang pada tahun 2019, PL perlu memohon kepada JPK untuk mengikuti sesi semakan semula / sesi klinik / *interim* Penarafan Bintang 2019. Setelah diperakukan oleh JPK, PL layak dipertimbang agihan peruntukan tidak melebihi 25 kapasiti atau berdasarkan kepada jumlah permohonan daripada PL; dan
- e. bagi PL dan program baharu dan tidak mempunyai / memperoleh Penarafan Bintang pada tahun 2019 (0 bintang), maksimum 25 pelatih atau berdasarkan jumlah kapasiti yang diluluskan oleh JPK atau berdasarkan permohonan PL.

5. Perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah ditarik bahawa PTPK berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa sekiranya PTPK mendapati PL

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan mempunyai *fraud case* yang telah dibuktikan.


6. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di alamat emel [syafry@ptpk.gov.my](mailto:syafry@ptpk.gov.my) atau Encik Zahid bin Ahmad di talian 03-4047 6080 atau [zahid@ptpk.gov.my](mailto:zahid@ptpk.gov.my) atau Encik Mohd Haffeez bin Mohd Anuar di talian 03 4047 6079 atau [haffeez@ptpk.gov.my](mailto:haffeez@ptpk.gov.my) untuk maklumat lanjut.
7. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MUSTAFA BIN ALI)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

**Salinan Kepada :**

- i. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK
- ii. Fail Pengagihan Peruntukan
- iii. Semua Pengurus Besar dan Ketua Bahagian, PTPK